

**BERITA ONLINE
BERNAMA
TARIKH: 30.03.2022 (RABU)**



Berita-berita ringkas Dewan Negara: 30 Mac



GURU TABIKA PERPADUAN PERLU KELAYAKAN DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara sedang berusaha memastikan semua guru Tabika Perpaduan mempunyai kelayakan minimum Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAKK) bagi meningkatkan kualiti dan profesional tenaga pengajar itu.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Halimah Mohamed Sadique berkata sehingga Disember tahun lepas, seramai 1,574 orang atau 88 peratus daripada 1,781 guru Tabika Perpaduan memiliki DPAKK dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Open University Malaysia (OUM).

"Baki 207 orang masih belum memiliki kelayakan tersebut kerana tidak dapat memenuhi syarat asas untuk mengambil Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

"Maka, Kementerian Perpaduan Negara bekerjasama dengan UPSI untuk pastikan 207 lagi guru ini mempunyai kelayakan setara melalui penyediaan kursus yang setara dengan DPAKK iaitu Program Persijilan Kompetensi Guru Tabika Perpaduan (PPKG)," katanya ketika menjawab soalan tambahan Senator Muhammad Zahid Md Arip berkenaan usaha memantapkan profesionalisme dan kepakaran guru Tabika pada persidangan Dewan Negara di sini hari ini.

-- BERNAMA

SETIAP KEMENTERIAN BAKAL KENALKAN SATU PROGRAM BANTU SELURUH RAKYAT

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Setiap kementerian akan memperkenalkan sekurang-kurangnya satu inisiatif dan program yang bermatlamat dalam membantu mengurangkan kesan ekonomi ditanggung rakyat termasuk golongan minoriti di negara ini akibat pandemik COVID-19.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) Datuk Mastura Mohd Yazid berkata langkah itu adalah selari dengan matlamat Keluarga Malaysia yang sentiasa memastikan tiada golongan terabai sama ada minoriti dan majoriti di negara ini.

"Pelbagai program serta inisiatif yang telah atau akan dilaksanakan di bawah payung Keluarga Malaysia termasuk Rumah Ikram, Skuad, pakej penjagaan COVID-19 Keluarga Malaysia dan banyak lagi produk akan diadakan.

"Kerajaan hari ini bekerja di bawah semangat sebuah keluarga akan terus konsisten memberi tumpuan kepada program dan inisiatif yang melimpahkan kesejahteraan dan manfaat kepada seluruh Keluarga Malaysia," katanya bagi menjawab soalan Senator Aknan Ehtook di Dewan Negara berkenaan inisiatif yang disenaraikan di bawah Keluarga Malaysia.

-- BERNAMA

MALAYSIA SPACE-X 2030 JANGKA SUMBANG RM3.2 BILION KDNK

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Rangka tindakan sektor angkasa yang komprehensif dikenali sebagai 'Malaysia Space Exploration 2030' dijangka mampu menyumbang untuk pertumbuhan ekonomi sebanyak 0.3 peratus atau RM3.2 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata rangka tindakan yang ditubuhkan Disember tahun lepas itu turut dapat mewujudkan ekosistem pembangunan sektor angkasa negara yang kondusif.

"Rangka tindakan ini seterusnya turut mampu memberi sehingga 5,000 peluang pekerjaan baharu serta sasaran menduduki tangga ketiga sebagai pemain industri angkasa dalam kalangan negara-negara Asia menjelang 2030," katanya bagi menjawab soalan Senator Datuk Husain Awang yang ingin tahu inisiatif dalam memastikan negara tidak ketinggalan dalam sektor aeroangkasa.

-- BERNAMA